

SOALAN NO. 43**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK]

TARIKH : 26 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja berkenaan dengan kerugian FOREX sebanyak USD 10 bilion yang berlaku 25 tahun lepas akan dibentangkan di Parlimen.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seri Paduka Baginda Yang di
Pertuan Agong telah memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Siasatan
Diraja bagi menyiasat kerugian Bank Negara Malaysia sekitar tahun 1980-
an dan 1990-an.

YBhg Tan Sri Mohd Sidek Hassan telah dilantik sebagai Pengerusi
Suruhanjaya Siasatan Diraja dan diberi tempoh tiga bulan mulai tarikh kuat
kuasa penubuhannya bagi menyelesaikan penyiasatan dan seterusnya
menyembahkan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong.

Sekian, terima kasih.